



## Dasar Privasi REDtone

REDtone merupakan sebuah syarikat yang terdiri daripada syarikat induk, anak syarikat dan syarikat-syarikat lain yang berkaitan sebagaimana yang di takrifkan dalam Akta syarikat 1965 dari masa ke semasa, memberikan keutamaan dalam mengikuti perubahan undang-undang dan peraturan. Memandangkan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 telah berkuat kuasa, kami mengambil langkah-langkah untuk memastikan bahawa kami mematuhi akta baharu tersebut.

Tujuan notis ini adalah untuk memaklumkan kepada anda berkenaan dengan amalan dan dasar yang berkaitan dengan pengumpulan, pemprosesan, penyimpanan dan pendedahan maklumat peribadi yang berhubung dengan pelanggan. Dengan memberikan maklumat peribadi anda kepada kami, anda akan menerima dan bersetuju dengan Dasar Privasi ini dan pengumpulan, penggunaan, akses, pemindahan, penyimpanan dan pemprosesan maklumat-maklumat peribadi anda seperti yang dinyatakan dalam Dasar Privasi ini.

### **1. Apakah Data Pemprosesan?**

Pemprosesan data ialah tindakan mengumpul, merekod, memegang atau menyimpan maklumat peribadi dan menjalankan sebarang operasi ke atas data/maklumat peribadi.

### **2. Apakah Maklumat peribadi yang di kumpul dan diproses oleh REDtone?**

Dalam usaha untuk REDtone menyediakan produk dan/atau perkhidmatan yang lebih baik, kami akan memproses data peribadi anda seperti di bawah:

i) **Butir-butir peribadi dan maklumat yang diterima oleh REDtone untuk proses langganan (pendaftaran, langganan, pembaharuan, perubahan pelan dan lain-lain) berkenaan dengan Produk atau perkhidmatan. Butir-butir maklumat adalah seperti berikut, tetapi tidak terhad kepada:**

- Nama
- Tarikh lahir
- Jantina
- Kewarganegaraan dan Bangsa
- Alamat ( alamat peribadi /perniagaan, semasa /atau sebelumnya, alamat pemasangan )
- Nombor telefon ( peribadi dan/atau perniagaan,mudahalih, talian tetap, faks)



- Maklumat pengarah ( Nama, Tarikh Lahir, Jantina, Kewarganegaraan, Bangsa, Alamat, Nombor telefon dan E-mel)
- E-mel (peribadi dan/atau perniagaan)
- Nombor kad kredit dan/atau akaun bank
- Dokumen sokongan (termasuk kad pengenalan, passport, perakuan perbadanan dan lain-lain)
- Data peribadi yang diperolehi daripada borang pendaftaran, kontrak jualan, dokumentasi undang-undang termasuk perjanjian jualan atau dokumen-dokumen perniagaan yang berkaitan.

ii) Sebagai tambahan kepada maklumat peribadi di atas, REDtone juga memproses maklumat berkaitan dengan:

- Status Produk dan/atau Perkhidmatan yang telah diperolehi atau dilanggan dari REDtone
- Cara penggunaan Produk dan/atau Perkhidmatan (contohnya data trafik seperti nombor dan alamat panggilan, SMS, MMS, e-mel dan komunikasi lain yang dilakukan dan diterima oleh anda serta tarikh, durasi, masa dan kos komunikasi tersebut)
- Sejarah pencarian diInternet, akses kepada kandungan, muat naik dan muat turun (termasuk jumlah data yang di gunakan)
- Alamat IP anda dan lokasi PC anda
- Status dan rekod bil dan pembayaran anda
- Kepentingan peribadi dan pilihan anda (ditentukan melalui trend dan/atau jenis Produk dan/atau Perkhidmatan yang diperolehi dan kekerapan penggunaan)
- Peralatan yang anda gunakan semasa mengakses Produk dan/atau Perkhidmatan kami (seperti telefon mudah alih, sistem computer dan platform) untuk menyesuaikan perkhidmatan mengikut kehendak anda
- Data *clickstream* apabila anda melawat laman web kami( contohnya halaman yang anda akses dan Perkhidmatan dan/atau Produk yang anda layari )
- Rakaman bagi setiap panggilan yang anda lakukan ke Pusat Perkhidmatan Pelanggan kami untuk meningkatkan perkhidmatan kami.

### **3. Bila dan Bagaimana REDtone Mengumpul Maklumat Peribadi Anda**

REDtone mengumpul Maklumat Peribadi melalui beberapa cara, termasuk:

- secara langsung sebagaimana yang diberikan oleh anda tetapi tidak terhad kepada contohnya apabila seperti Maklumat Diri diberi melalui telefon
- dalam permohonan / lain-lain borang berkaitan atau perjanjian



- mendaftar atau melanggan melalui ejen-ejen REDtone dan/atau saluran dalam talian
- mendaftar atau melanggan Produk tertentu dan/atau Perkhidmatan atau penerbitan kami
- mengambil bahagian dalam mana-mana saluran kajian tinjauan
- memberi maklum balas terhadap sebarang bahan dan/atau program pemasaran REDtone
- melawat mana-mana pejabat kami
- melawat atau melayari laman web kami

Kami juga boleh mendapatkan maklumat peribadi anda daripada pihak ketiga yang berurusan dengan kami atau yang berkaitan dengan anda (agensi-agensi rujukan kredit atau institusi kewangan), dan dari sebarang sumber lain dimana anda telah memberikan kebenaran untuk pendedahan maklumat berkaitan dengan anda, dan/atau jika selainnya dibenarkan secara sah.

#### **4. Bagaimana REDtone Menggunakan Maklumat Peribadi Anda**

Kami mungkin mengumpul dan menggunakan maklumat peribadi daripada anda atau daripada pihak ketiga yang dikenal pasti dalam Dasar Privasi ini untuk tujuan berikut:

- untuk mengesahkan identiti anda
- untuk menilai dan memproses permohonan anda / permintaan untuk Produk dan/atau Perkhidmatan kami
- untuk menyediakan Produk dan/atau Perkhidmatan yang anda perlukan
- untuk mentadbir dan menguruskan Produk dan/atau Perkhidmatan kepada anda , termasuk mengenakan bayaran, bil, membantu dalam urusan pembayaran dan mengutip hutang
- untuk menyiasat dan menyelesaikan sebarang isu perkhidmatan , pertanyaan bil, aduan atau pertanyaan lain yang anda ajukan kepada kami mengenai rangkaian kami, Produk dan/atau Perkhidmatan dengan unit perhubungan pelanggan kami
- untuk menjalankan pemeriksaan yang sesuai untuk mengesan penipuan
- untuk menilai dan/atau mengesahkan kebolehpercayaan kredit
- untuk memperbaiki dan membangunkan perkhidmatan kami, contohnya menguruskan latihan kakitangan dan jaminan kualiti
- untuk mendapatkan pemahaman tentang keperluan maklumat dan komunikasi anda supaya kami dapat menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada anda
- untuk mengekalkan dan membangunkan sistem perniagaan dan infrastruktur, termasuk ujian dan menaik taraf sistem



- untuk menjalankan penyelidikan dan pembangunan serta analisis statistik yang berkaitan dengan Produk dan/atau Perkhidmatan
- untuk menjalankan aktiviti pemasaran
- untuk mengenal pasti trend dan membangunkan Produk dan/atau Perkhidmatan baharu yang mencerminkan kepentingan pelanggan
- untuk mematuhi keperluan undang-undang , peraturan dan statutori
- untuk tujuan-tujuan lain yang dikehendaki atau dibenarkan oleh mana-mana undang-undang , peraturan-peraturan , garis panduan dan/atau pihak berkuasa yang berkaitan

#### **5. Pendedahan Maklumat Peribadi Anda**

Kami mungkin diperlukan untuk mendedah Data Peribadi/Maklumat anda apabila di perlukan oleh pihak- pihak yang berikut, tetapi tidak terhad kepada:

- agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang
- agensi-agensi kerajaan
- Syarikat dan/atau organisasi yang bertindak sebagai ejen, kontraktor, pembekal perkhidmatan kami dan/atau penasihat profesional
- Syarikat dan/atau organisasi yang membantu kami dalam pemprosesan dan/atau memenuhi transaksi dan menyediakan Produk dan/atau Perkhidmatan yang anda minta atau langgani
- rakan perniagaan kami dan pihak-pihak lain untuk tujuan yang berkaitan dengan tujuan mengumpul dan menggunakan maklumat peribadi anda
- pihak-pihak lain yang telah anda berikan persetujuan

tertakluk sepanjang masa kepada undang-undang (termasuk peraturan-peraturan, garis panduan dan/atau tanggungjawab) berkaitan dengan Kumpulan REDtone.

- Walaupun syarikat kami mendedahkan Maklumat Peribadi anda kepada pihak ketiga, syarikat akan memastikan bahawa pihak ketiga adalah terikat untuk mematuhi syarikat, atau setaraf, amalan peribadi dan dasar yang berkaitan dengan pengumpulan, penggunaan, pemprosesan dan penyimpanan Maklumat Peribadi anda.

#### **6. Komitmen Kami Untuk Anda**

Syarikat kami komited untuk berusaha sebaik mungkin untuk mengekalkan piawaian keselamatan dan prosedur yang tinggi bagi melindungi maklumat peribadi anda daripada akses yang tidak dibenarkan.



## **7. Hak Anda untuk Mengakses Dan Memperbetulkan Maklumat Peribadi Anda**

Sebarang permintaan untuk mengakses atau memperbetulkan data/maklumat peribadi mungkin dikenakan caj bayaran dan juga mengikut keperluan di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, dan setiap permintaan itu hendaklah disediakan secara bertulis dengan sebab yang munasabah atau syarikat berhak untuk menolak permintaan itu .

Sila ambil perhatian bahawa permintaan untuk mengakses atau memperbetulkan data/maklumat peribadi akan diproses dalam masa 21 hari.

## **8. Kewajipan Anda**

Syarikat berusaha untuk mengambil langkah yang sewajarnya untuk memastikan maklumat anda adalah terkini mengikut maklumat yang disediakan oleh anda. Walau bagaimanapun, anda bertanggungjawab untuk memberikan maklumat yang tepat dan lengkap kepada kami.

## **9. Berurusan secara Atas Talian dengan Kumpulan REDtone**

Sekiranya anda mengakses laman web kami atau laman-laman web , anda perlu tahu bahawa alamat IP anda dan maklumat tentang lawatan anda akan secara automatik dikesan oleh sistem REDtone. Fungsi tersebut wujud dan penting kepada mana-mana sistem yang berkaitan dengan telekomunikasi. Dalam hal ini, REDtone telah mengambil langkah yang sewajarnya untuk melindungi maklumat peribadi anda.

“Cookies” mungkin dilampirkan apabila anda masuk laman web atau laman-laman web. Cookies merupakan maklumat yang disimpan dalam komputer anda yang membantu navigasi laman web anda dengan cara menyesuaikan maklumat halaman dengan keperluan anda. Cookies secara sendirinya tidak mengenalpasti pengguna individu, hanya Komputer yang digunakan. Anda tidak semestinya perlu menerima Cookies. Jika anda perihatin, anda boleh menetapkan Komputer anda untuk sama ada menerima semua Cookies, memaklumkan kepada anda apabila sesuatu Cookies sedang digunakan, atau untuk tidak menerima sebarang Cookies pada bila-bila masa. Walau bagaimanapun, penolakan Cookies mungkin mengganggu pengalaman pengguna anda dan halaman tertentu tidak akan berfungsi sepenuhnya.

Kenyataan Privasi ini digunakan untuk laman web REDtone Kumpulan sahaja dan tidak terpakai untuk mana-mana laman web pihak ketiga yang anda akses melalui laman web kami. Oleh itu , anda di nasihati untuk memeriksa dasar privasi pihak ketiga tersebut sebelum mendedahkan maklumat peribadi anda kepada pihak dan/atau laman web ketiga tersebut.



#### **10. Pemindahan Maklumat Peribadi Anda ke Luar dari Malaysia**

Ia mungkin perlu bagi REDtone untuk memindahkan maklumat peribadi anda ke luar dari Malaysia jika mana-mana pembekal perkhidmatan REDtone atau rakan kongsi strategik ("Rakan Kongsi Luar Negara") yang terlibat dalam menyediakan sebahagian daripada Produk dan/atau Perkhidmatan kepada anda terletak di negara-negara luar dari Malaysia atau jika anda menggunakan Produk dan/atau Perkhidmatan dari negara selain daripada Malaysia (misalnya, perantaraan antarabangsa). Dalam hal ini, anda memberi kenegaraan kepada REDtone untuk memindahkan maklumat peribadi anda ke luar dari Malaysia. Kami akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan bahawa mana-mana Rakan Luar Negara tersebut adalah terikat untuk tidak menggunakan maklumat peribadi anda untuk apa-apa sebab selain daripada untuk menyediakan Produk dan/atau Perkhidmatan yang seperti dibenarkan dalam kontrak dan melindungi maklumat peribadi anda.

#### **11. Kemaskini Mengenai Dasar Privasi Kami**

Syarikat tersebut berhak untuk menyemak semula dan/atau mengubah Dasar Privasi dan Kewajipan Perlindungan Data ini dari masa ke semasa, tertakluk kepada budi bicara, dan mengambil kira perkembangan masa depan syarikat tersebut dan/atau perubahan dalam undang-undang privasi Malaysia. Sekiranya wujudkan keperluan untuk semakan dan/atau pengubahsuaian, REDtone akan memaklumkan semakan dan/atau pengubahsuaian di laman web REDtone.

#### **12. Hubungi Kami**

Jika terdapat sebarang pertanyaan, akses permintaan, atau pembetulan data/maklumat peribadi, sila hubungi:

Pusat Perkhidmatan Pelanggan  
Kumpulan Syarikat REDtone  
Suites 22-30, Tingkat 5, IOI Business Park,  
47100 Puchong, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Telefon: +603 8073 2255  
Fax: +603 8073 2223  
Email: [support@redtone.com](mailto:support@redtone.com)